

**KEBOLEHAN MURID TAHUN SATU DALAM MENGENAL DAN
MENYEBUT HURUF HIJAIYAH BERBARIS MENGIKUT
KAEDAH QIRAATI**

OLEH

NURSYAHARIZAN BINTI MOHD NOOR

(S-PM0050/16)

DISERTASI

YANG DISERAHKAN SEBAGAI SYARAT SEPARA

UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI

IJAZAH SARJANA SASTERA (PENDIDIKAN)

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JANUARI 2019

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian hanya kepada Allah S.W.T atas segala nikmat dan rahmat-Nya yang telah memberi kekuatan dan kesihatan yang baik serta rezeki masa yang mencukupi sehingga akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi ini yang merupakan sebahagian daripada syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih serta penghargaan yang tidak terkira kepada penyelia saya Dr. Siti Hawa binti Abdullah yang telah membantu, membimbing, berkongsi ilmu serta memberi nasihat bagi memperbaiki kajian ini sehingga berjaya. Tidak lupa juga buat Prof Madya Dr. Najeemah binti Mohd Yusof yang merupakan penyelia pertama saya yang telah membimbing dan membantu saya pada awal penyediaan disertasi.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang ahli akademik di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), Universiti Sains Malaysia yang juga banyak menyalurkan pandangan dan dorongan terhadap kajian yang dilakukan sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Sains Malaysia. Ribuan terima kasih juga kepada pihak sekolah, guru dan murid yang terlibat dalam menjayakan kajian saya. Tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan dan rakan sekerja yang telah banyak membantu serta tidak jemu memberi semangat.

Akhir sekali, terima kasih khas buat suami dan anak-anak yang tersayang yang menjadi kekuatan dan pendorong utama saya dalam menyelusuri perjalanan sepanjang pengajian ini sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini. Juga kepada ahli keluarga yang lain dan Afiqah, yang sangat membantu disaat-saat akhir. Terima Kasih.

KEBOLEHAN MURID TAHUN SATU DALAM MENGENAL DAN MENYEBUT HURUF HIJAIYAH BERBARIS MENGIKUT KAEDAH QIRAATI

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kebolehan murid Tahun 1 dalam mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul menggunakan kaedah Qiraati serta pelaksanaan guru menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya tilawah al Quran. Kajian kualitatif ini telah menggunakan kaedah temu bual sebagai kaedah utama dalam pengumpulan data melibatkan tiga peserta kajian yang terdiri daripada murid Islam Tahun 1 di salah sebuah sekolah di Daerah Timur Laut. Pengumpulan data dilakukan oleh pengkaji bermula pada bulan Julai sehingga September iaitu selama lapan minggu. Data yang dikumpul kemudiannya di analisis dan didapati bahawa kaedah ini telah menarik minat untuk belajar dalam kalangan peserta kajian serta memberi peningkatan kepada penguasaan mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul. Kajian ini juga telah memperlihatkan kelebihan kaedah Qiraati dalam penggunaan bahan, strategi pengajaran, sukatan yang merentas kurikulum serta menyumbang kepada perubahan tingkah laku peserta kajian. Justeru, kaedah Qiraati telah memberi impak positif dalam meningkatkan penguasaan huruf hijaiyah berbaris serta memberi keberkesanan dalam proses PdP guru pendidikan Islam.

Kata Kunci : Kaedah Qiraati, Huruf Hijaiyah Berbaris, Murid Tahun Satu

THE ABILITY OF YEAR ONE PUPILS TO RECOGNIZE AND PRONOUNCE THE HIJAIYAH LETTERS WITH LINE CORRECTLY BY USING QIRAATI METHOD

ABSTRACT

The study was conducted to identify the ability of Year 1 pupils in recognizing and to pronounce the letters of hijaiyah with line correctly by using Qiraati method as well as the implementation of the teacher using this method in the teaching of Islamic Education subject especially for '*tilawah Quran*'. This qualitative study has used the interview method as the main method in collecting data involving three participants comprising Year 1 Islamic students in one of the schools in the Northeast District. Data collection was carried out by researcher for eight weeks, from July to September. Data collected were analyzed and found that this method has attracted interest in study among the participants as well as enhancing the mastery of recognizing and pronouncing the letters of hijaiyah with line correctly. This study has also demonstrated the advantages of Qiraati's method in the use of materials, teaching strategies, curriculum across syllables and contributing to the changing behavior of those participants. Hence, Qiraati's method has positive impacts in improving the mastery of the hijaiyah letters and effective in PdP process of '*Pendidikan Islam*' teacher.

Keywords: Qiraati method, letters of Hijaiyah with line, Student Year One

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	ix
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Definisi Istilah	9
1.9.1 Kebolehan	9
1.9.2 Menenal Huruf Hijaiyah Berbaris	10
1.9.3 Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris Dengan Betul	10
1.9.4 Huruf Hijaiyah Berbaris	10
1.9.5 Kaedah Qiraati	10
1.10 Rumusan	11
 BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran al-Quran	13

2.2.1	Pendekatan	13
2.2.2	Kaedah	13
2.2.3	Teknik	14
2.3	Kemahiran Asas Mengenal dan Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris	14
2.4	Kaedah Pengajaran al-Quran	15
2.5	Konsep Kaedah Iqra	
2.5.1	Pengenalan	17
2.5.2	Teknik-teknik Kaedah Iqra	18
2.5.2.1	Bacaan Terus	18
2.5.2.2	Penggunaan Teks Tertentu	19
2.5.2.3	Pengajaran Cara Murid Aktif (CBMA)	19
2.5.2.4	Talaqqi Musyafahah	19
2.5.2.5	Tahap Berasaskan Pencapaian Individu	19
2.5.2.6	Tenaga Pembimbing	20
2.5.3	Kandungan Buku Iqra	20
2.6	Konsep Kaedah Qiraati	
2.6.1	Pengenalan	23
2.6.2	Sistem Pengajaran Kaedah Qiraati	24
2.6.3	Panduan Mengajar Kaedah Qiraati	25
2.6.3.1	Individu	25
2.6.3.2	Klasikal- Individu	25
2.6.3.3	Klasikal Bacaan Semak	26
2.6.4	Kandungan Buku Qiraati	26
2.6.4.1	Huraian Kandungan Buku Qiraati	29
2.6.4.2	Huraian Kandungan Buku Qiraati 1	30
2.6.4.3	Kriteria Pemilihan Kaedah Qiraati	31
2.6.4.4	Keistimewaan Kaedah Qiraati	32
2.7	Persamaan dan Perbezaan antara Kaedah Iqra dan Qiraati	
2.7.1	Persamaan Kaedah Iqra dan Qiraati	33
2.7.2	Perbezaan Antara Kaedah Iqra dan Qiraati	33
2.8	Kajian Yang Berkaitan	34

2.9	Model dan Teori Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran	38
2.9.1	Model Rasulullah s.a.w	38
2.9.2	Model Pengajaran Ibnu Khaldun	41
2.9.3	Teori Literasi Mengenal dan Menyebut	42
2.10	Kerangka Teori Kajian	44
2.11	Rumusan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Lokasi Kajian	47
3.4	Peserta Kajian	48
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.5.1	Temu Bual	49
3.5.1.1	Protokol Temu Bual	51
3.5.1.2	Carta Alir dan Tempoh Masa Proses Temu Bual	52
3.6	Pelaksanaan Kajian	53
3.7	Prosedur Analisis Data	54
3.8	Kajian Rintis	55
3.9	Etika Kajian	56
3.10	Rumusan	67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	58
4.2	Peserta Kajian	58
4.3	Waiz	59
4.3.1	Kebolehan Mengenal Huruf Hijaiyah Berbaris	59
4.3.2	Kebolehan Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris Dengan Betul	62
4.4	Nur Alia	65
4.4.1	Kebolehan Mengenal Huruf Hijaiyah Berbaris	66

4.4.2	Kebolehan Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris Dengan Betul	68
4.5	Fatihah	71
4.5.1	Kebolehan Mengenal Huruf Hijaiyah Berbaris	72
4.5.2	Kebolehan Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris Dengan Betul	74
4.6	Rumusan	76
 BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	78
5.2	Kebolehan Murid Tahun 1 Mengenal Huruf Hijaiyah Berbaris Menggunakan Kaedah Qiraati	79
5.3	Kebolehan murid Tahun 1 menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul menggunakan kaedah Qiraati	83
5.4	Implikasi kajian	86
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.6	Saranan dan Cadangan	89
5.6.1	Saranan kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	89
5.6.2	Saranan kepada Pihak Sekolah	89
5.6.3	Saranan kepada Guru Pendidikan Islam	90
5.7	Kesimpulan	90
	 RUJUKAN	 91

SENARAI JADUAL

Perkara		Halaman
Jadual 4.1	Kebolehan Waiz mengenal huruf hijaiyah berbaris sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	62
Jadual 4.2	Kebolehan Waiz menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	65
Jadual 4.3	Kebolehan Nur Alia mengenal huruf hijaiyah berbaris sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	68
Jadual 4.4	Kebolehan Nur Alia menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	71
Jadual 4.5	Kebolehan Fatihah mengenal huruf hijaiyah berbaris sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	74
Jadual 4.6	Kebolehan Fatihah menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul sebelum dan selepas menggunakan kaedah Qiraati	76

SENARAI RAJAH

Perkara		Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Teori Kajian	49
Rajah 3.1	Carta Alir Persediaan untuk Proses Temu Bual	52
Rajah 3.2	Carta Alir Proses Semasa Menjalankan Temu Bual	52
Rajah 3.3	Proses Kajian Kualitatif	53
Rajah 3.4	Carta Aliran untuk Prosedur Kajian	55

SENARAI LAMPIRAN

Perkara	
Lampiran A	Rekod Tasmik Bacaan Iqra
Lampiran B	Contoh Helaian Buku Iqra dan Qiraati
Lampiran C	Ujian Pengesanan Huruf Hijaiyah
Lampiran D	Rekod Penguasaan Huruf Hijaiyah Berbaris
Lampiran E	Transkrip Temu Bual
Lampiran F	Surat Akuan Kebenaran Menyertai Kajian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan konsep pembelajaran sepanjang hayat, dari buaian hingga ke liang lahad. Menurut Tamuri et al. (2004), al-Quran merupakan satu bahagian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menjadi teras utama dalam meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi insan yang bertanggungjawab terhadap perintah Allah, memperbaiki dan menyempurnakan akhlak manusia menjadi lebih berkualiti sebagai makhluk Allah yang paling mulia.

Membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam malah menjadi satu ibadah yang diberi pahala oleh Allah S.W.T. bagi yang membacanya. Tambahan pula, membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan makhrajnya merupakan satukewajipan supaya tidak terpesong pengertiannya dan secara tidak langsung dapat membentuk akidah dan akhlak individu. Malah hikmah al-Quran diturunkan adalah untuk dihayati dan diamalkan sebagai panduan hidup (Yusoff & Mohd, 2008).

Tilawah al-Quran merupakan satu bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kemahiran membaca al-Quran ini perlu dikuasai dengan baik dari peringkat awal lagi iaitu dengan mengenal huruf hijaiyah berbaris sehinggalah peringkat menguasai bacaan al-Quran dengan betul serta bertajwid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Sehubungan dengan itu, menjadi suatu isu berat apabila masih terdapat murid-murid Tahun 1 yang tidak dapat menguasai kemahiran asas al-Quran iaitu mengenal dan menyebut huruf-huruf hijaiyah berbaris dengan baik. Berdasarkan objektif utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah menyasarkan semua murid Islam khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah di bawah Model Khatam al-Quran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Seajar dengan harapan tersebut, maka keperluan memberi penekanan penguasaan kemahiran mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris adalah amat penting bagi memastikan objektif kemahiran membaca al-Quran tercapai.

1.2 Latar belakang Kajian

Menjadi satu kepentingan bagi para pendidik khususnya guru pada tahap prasekolah dan tahap satu sekolah rendah melaksanakan program literasi awal kanak-kanak yang berkesan dan dapat membantu mereka memperoleh asas bagi kemahiran literasi mendengar, membaca, menulis dan berfikir (Arshad, 2012) . Menurut Zakaria et.al(2010), ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam memberi galakan dan sokongan padu kepada anak-anak agar berusaha mempelajari al-Quran.

Penekanan kepada Pendidikan Islam khususnya al-Quran terhadap murid-murid sekolah rendah seawal Tahun 1 diperlukan. Ini bagi memastikan penguasaan

al-Quran pada peringkat asas dimulakan seawal mungkin agar murid-murid dapat menguasai kemahiran al-Quran dengan baik. Justeru, pendidikan al-Quran merupakan satu kemahiran yang penting, maka penekanan perlu diberikan kepada aspek-aspek tertentu seperti aspek arahan, demonstrasi dan penambahbaikan kesiapan pelajar (Hashim, Yaakub, & Ahmad, 2007). Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, (DSKP) Kurikulum Sukatan Sekolah Rendah (KSSR) semakan tahun 2016 telah memperuntukkan satu aras kemahiran yang agak tinggi di mana murid perlu boleh membaca huruf hijaiyah bersambung dan kalimah berbaris satu di atas dengan betul serta bertajwid pada minggu kelima persekolahan (DSKP, RPT 2016).

Teori Kognitif Jean Piaget menekankan kanak-kanak menguasai sesuatu kemahiran secara berperingkat dan perlu dikuasai sepenuhnya sebelum berganjak keperingkat yang seterusnya. Dari tempoh lahir hingga ke umur lapan tahun merupakan tempoh kritikal bagi kanak-kanak kerana mereka mula mengembangkan kemahiran bahasa dan literasi awal yang menjadi faktor utama dalam peningkatan kemahiran membaca (Foorman & Moats, 2004). Menurut Arshad (2013), kemahiran literasi merupakan satu proses untuk membina makna dan berfungsi dalam kehidupan manusia. Hal ini termasuklah kemahiran mengenal dan menyebut huruf hijaiyah yang menjadi faktor penting bagi memastikan proses pembelajaran di Tahun 1 lebih lancar serta objektif pembelajaran dapat dicapai di samping melahirkan generasi al-Quran yang cemerlang.

Sehubungan itu, guru perlu mempunyai daya usaha dalam mencari kaedah pengajaran serta mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kaedah yang menarik dapat merangsang murid-murid untuk meniru dan mengaplikasi sesuatu pembelajaran dengan lebih baik (Piasta et. al, 2012).

1.3 Penyataan Masalah

Kepentingan membaca al-Quran dapat dilihat dari pelbagai aspek. Berdasarkan kandungan Falsafah Pendidikan Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014)) yang menjurus kepada penghayatan al-Quran dan al-Sunah, mampu membina tamadun yang membawa kepada keberhasilan insan yang seimbang dunia dan akhirat. Membaca dan beramal dengan al-Quran sangat penting bagi melahirkan modal insan yang cemerlang. Bermula daripada mengenal huruf hijaiyah, membaca kalimah-kalimah pendek hinggalah membaca ayat-ayat al-Quran para guru seharusnya memastikan murid-murid benar-benar dapat menguasai kandungan yang disampaikan agar mereka tidak berterusan gagal menguasai kemahiran al-Quran yang sepatutnya.

Realiti murid kini, masih ramai yang mengabaikan pembacaan al-Quran disebabkan tidak tahu membacanya. Menurut kajian Noh (2004), tahap penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah menengah masih lemah. Hal ini disebabkan keciciran yang berlaku dari peringkat sekolah rendah lagi. Dalam kajian Salleh (2003), pencapaian Tilawah al-Quran melalui penggunaan kaedah Iqra di sekolah-sekolah rendah membolehkan 49.8 peratus murid boleh membaca al-Quran, 50.2 peratus murid masih tidak boleh membaca al-Quran yang mana 35.4 peratus darinya adalah buta huruf al-Quran. Hal ini disokong oleh kajian daripada Ismail et al. (2014); Ajuhari & Jemali (2005); Yusoff & Mohd (2008) yang juga turut menekankan keciciran kemahiran membaca al-Quran di kalangan murid sekolah dan universiti. Seandainya kebolehan mengenal huruf hijaiyah berbaris dan kebolehan menyebut huruf hijaiyah berbaris diabaikan maka masalah buta huruf al-Quran akan berterusan.

Kemahiran asas yang perlu dikuasai sebelum kebolehan membaca al-Quran iaitu kemahiran mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris haruslah dikuasai terlebih dahulu (Setianingsih, 2016). Guru Pendidikan Islam perlu jelas dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar kemahiran ini (Jasmi & Noh, 2013).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan kaedah Iqra sebagai kaedah pembelajaran untuk kemahiran al-Quran di sekolah-sekolah rendah. Namun, masih terdapat murid yang tidak berkebolehan dalam membaca al-Quran kerana tiada kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kaedah ini (Tamuri et al., 2004; Jemali et. al, 2006). Terdapat pelbagai kaedah pengajaran kemahiran al-Quran yang direkacipta untuk membantu guru agar pengajaran menjadi lebih berkesan dan menarik serta bersesuaian mengikut kemampuan murid. Penyampaian guru juga amat penting bagi meningkatkan kebolehan murid menguasai sesuatu kemahiran. Guru harus pandai menyesuaikan diri, gaya bercakap, bercerita, menegur, membaca, dan sebagainya mengikut tahap umur pelajar. Antara kaedah pengajaran kemahiran al-Quran yang terdapat ialah kaedah Qiraati, kaedah Baghdadi, kaedah Muyassar dan kaedah Hatwiyyah. Dalam kajian ini, kaedah Qiraati menjadi pilihan pengkaji bagi mengenal pasti kebolehan mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul. Kaedah Qiraati mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1991 oleh Ustaz Mohamed Masruh b. Ahmad (Othman & Mohamad, 1992). Pemilihan kaedah ini adalah berdasarkan teknik-teknik yang ditekankan dalam kaedah Qiraati. Kaedah Qiraati menitikberatkan kualiti bacaan al-Quran murid, bukan kepantasan dan kemampuan bacaan murid tanpa mengambil kira sebutan yang betul (makhrāj) dan kelancaran bacaan bertajwid (fasahah). Kaedah Qiraati

menekankan teknik bacaan bertahap dari yang mudah kepada yang susah iaitu daripada yang bersifat umum kepada yang khusus. Pengaplikasian teknik-teknik tertentu yang bersesuaian dengan murid-murid Tahun 1 seperti peneguhan, teknik latih tubi, talaqi musyafahah dan pengulangan sebutan yang tidak betul bagi mencegah dan menghindari kesalahan bacaan al-Quran. Oleh itu, kaedah ini dilihat bersesuaian untuk digunakan kepada murid Tahun 1 bagi mengatasi masalah tidak boleh mengenal huruf hijaiyah berbaris serta menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehan murid Tahun 1 dalam mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul mengikut kaedah Qiraati.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kebolehan murid Tahun 1 mengenal huruf hijaiyah berbaris dan mengenal pasti kebolehan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan menggunakan kaedah Qiraati.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ialah:

- i. Mengkaji kebolehan murid Tahun 1 mengenal huruf hijaiyah berbaris menggunakan kaedah Qiraati.

- ii. Mengenal pasti kebolehan murid Tahun 1 menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul menggunakan kaedah Qiraati.

1.6 Soalan kajian

Kajian inidijalankan untuk menjawab soalanberikut:

Sejauh manakah kebolehan murid Tahun 1 untuk mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebuthuruf hijaiyah berbaris dengan betul menggunakan kaedah Qiraati?

- a) Apakah tahap kebolehan murid Tahun 1 dalam mengenal huruf hijaiyah berbaris menggunakan kaedah Qiraati?
- b) Apakah tahap kebolehan murid Tahun 1 dalam menyebut huruf hijaiyah berbarisdengan betul menggunakan kaedah Qiraati?

1.7 Kepentingan Kajian

Maklumat daripada kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan oleh para pendidik dalam menentukan kaedah yang sesuai dengan tahap keupayaan murid tahun 1 untuk diketengahkan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat kepada pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah, Jabatan Pelajaran Daerah dan Negeri serta Pusat Perkembangan Kurikulum dan Kementeriannya untuk merancang dan melaksanakan sebarang perubahan atau penambahbaikan dalam Pendidikan Islam.

Kajian tentang tahap kebolehan murid Tahun 1 untuk mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris ini juga dapat menyumbang kepada penyelidikan pendidikan khususnya tentang kaedah pengajaran al-Quran yang sesuai digunakan bagi pengajaran kemahiran al-Quran.

Hasil kajian yang dilaksanakan ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada para pendidik tentang tahap kebolehan murid Tahun 1 untuk mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris menggunakan kaedah Qiraati dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kemahiran al Quran.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu pada murid-murid Islam Tahun 1 di sebuah sekolah di daerah Timur Laut Pulau Pinang. Kajian ini hanya melibatkan dua kemahiran al-Quran iaitu kemahiran mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul. Kajian ini hanya menggunakan Modul Qiraati buku 1.

Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang murid sebagai peserta kajian yang akan belajar menggunakan kaedah Qiraati yang di ajar oleh seorang guru Pendidikan Islam (GPI). Oleh itu, peserta kajian ini hanya mewakili kajian ini dan tidak boleh digeneralisasi bagi semua pelajar Tahun 1 walaupun di lokasi sekolah yang sama.

Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan tahap pencapaian yang dicatat dalam rekod bacaan al-Quran (Rekod Tasmik) dan juga cadangan daripada

guru pendidikan Islam Tahun 1 berdasarkan tahap penguasaan standard prestasi murid.

1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini akan menjelaskan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian seperti berikut:

1.9.1 Kebolehan

Kebolehan adalah sifat-sifat yang melayakkan seseorang melakukan sesuatu aktiviti. Kebolehan boleh dirujuk kepada tahap pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan sesuatu kerja mengikut piawaian (Khor, 1997). Selain itu, berdasarkan Safarwan (1995), kebolehan didefinisikan sebagai kesanggupan, keupayaan, kemampuan, kekuatan, kapasiti. Menurut kajian ini, kebolehan adalah kemampuan yang dicapai oleh murid dalam mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul.

1.9.2 Mengenal huruf hijaiyah berbaris

Berdasarkan konteks kajian, mengenal huruf hijaiyah berbaris adalah murid tahu dan kenal huruf hijaiyah berbaris dengan tepat. Di mana istilah mengenal di sini adalah salah satu kemahiran asas yang utama dalam kemahiran membaca al-Quran.

1.9.3 Menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul

Melalui kajian ini, menyebut adalah membunyi dan menyatakan huruf-huruf hijaiyah dengan sebutan yang betul. Menyebut dengan betul dalam konteks bacaan al Quran adalah tempat keluarnya bunyi huruf (makhraj) yang mempunyai lima tempat iaitu rongga mulut, tekak, lidah, dua bibir dan pangkal hidung.

1.9.4 Huruf Hijaiyah Berbaris

Huruf hijaiyah bermaksud huruf yang menyusun sebuah kata menjadi kalimah. Dalam konteks kajian ini huruf hijaiyah ialah huruf-huruf arab atau jawi yang bermula dengan ‘Alif’ dan berakhir dengan ‘Ya’:

(أ ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه ي). Sementara berbaris pula ialah tanda-tanda bacaan yang terdapat pada huruf hijaiyah seperti Fathah (), Kasrah () dan Dhommah ().

1.9.5 Kaedah Qiraati

Kaedah Qiraati merupakan satu kaedah praktis bersepadu membaca al-Quran berasaskan kaedah Othmani yang mempunyai set enam jilid buku sesuai untuk kanak-kanak dan set tiga jilid yang dikhususkan untuk dewasa. Dalam kajian ini, kaedah Qiraati menjadi satu cara atau kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi mengenalpasti keberkesanannya terhadap kemahiran mengenal huruf hijaiyah berbaris dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dalam kalangan murid-murid Tahun 1. Buku Qiraati 1 akan digunakan oleh peserta kajian bagi tempoh kajian lapan minggu.

1.10 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehan murid Tahun 1 bagi kemahiran mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris mengikut kaedah Qiraati. Seiring dengan tujuan kajian ini, perbincangan dalam Bab 1 telah didasari pada beberapa

perkara seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, tujuan kajian serta batasan kajian di samping pengkaji turut menjelaskan maksud istilah yang digunakan dalam kajian.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kebolehan murid Tahun 1 mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul mengikut kaedah Qiraati. Perbincangan dalam bab ini menumpu kepada perbincangan tentang pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran al-Quran secara ringkas, kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran serta kriteria pemilihan kaedah Qiraati sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam melihat sejauh mana kebolehan murid Tahun 1 mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul. Di samping itu, bab ini merumuskan beberapa kajian terdahulu yang telah dilaksanakan oleh para sarjana berkaitan kaedah pengajaran kemahiran al-Quran. Perbincangan akan dimulakan dengan kaedah pengajaran berkaitan, teori berkaitan, diikuti tinjauan kajian terdahulu, kerangka konsep dan penjelasan kerangka konsep.

2.2 Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran al-Quran

Ketiga-tiga konsep ini sering menjadi perbalahan dan perbincangan kerana sifatnya yang saling berkaitan antara satu sama lain. Bagi tujuan kefahaman, berikut dihuraikan secara ringkas ketiga-tiga konsep tersebut.

2.2.1 Pendekatan

Pendekatan wujud berasaskan tanggapan-tanggapan yang berhubung dengan falsafah pendidikan Islam dan pengajaran serta pengajian agama itu sendiri. Pendekatan menghuraikan sifat mata pelajaran yang diajar serta menyatakan suatu pendapat, falsafah atau suatu pengajaran (Salleh, 2011).

2.2.2 Kaedah

Kaedah merupakan satu perancangan yang sistematik secara keseluruhan bagi menyampaikan bahan pengajaran. Kaedah merupakan proses melakukan sesuatu berdasarkan tanggapan-tanggapan asas yang dibina melalui pendekatan. Oleh itu, pendekatan memungkinkan beberapa kaedah. Kaedah wujud berdasarkan beberapa faktor seperti jenis murid, latar belakang tempat tinggal, usia dan latar belakang belakang ibu bapa. Kaedah diwujudkan bagi memenuhi keperluan mengikut kesesuaian golongan yang disebutkan.

2.2.3 Teknik

Teknik pula merupakan apa yang dilihat dalam bilik darjah dan harus dilihat dalam konteksnya dengan kaedah yang digunakan. Seperti penggunaan teknik hafalan, latih tubi, membaca, pemulihan, peneguhan, bersoal jawab dan sebagainya. pemilihan teknik haruslah berasaskan sesuatu kaedah berlandaskan sesuatu pendekatan.

Keberkesanan sesuatu teknik yang digunakan bergantung pada asas-asas pengkaedahan dan pendekatan yang kukuh, mantap dan boleh dipercayai (Chik, 1987).

2.3 Kemahiran Asas Mengenal dan Menyebut Huruf Hijaiyah Berbaris

Terdapat spesifikasi bagi kemahiran asas mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris yang harus dicapai oleh murid-murid Tahun 1. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun Satu (2016), terdapat enam tahap penguasaan kemahiran mengenal dan menyebut huruf hijaiyah berbaris iaitu:

- a) Tahap penguasaan 1, murid kenal dan boleh menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris.
- b) Tahap penguasaan 2, murid kenal dan boleh menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris dengan baik.
- c) Tahap penguasaan 3, murid kenal dan boleh menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris dengan betul dan bertajwid serta diamalkan dalam pembacaan al-Quran.
- d) Tahap penguasaan 4, murid kenal dan berkebolehan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris dengan betul dan bertajwid serta beriltizam membacanya.
- e) Tahap penguasaan 5, murid kenal dan berkebolehan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris dengan betul dan bertajwid serta istiqamah membacanya.
- f) Tahap penguasaan 6, murid kenal dan berkebolehan menyebut bunyi huruf hijaiyah berbaris dengan betul dan bertajwid serta boleh dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

Berdasarkan keenam-enam tahap penguasaan huruf hijaiyah, murid Tahun 1 seharusnya menguasai sekurang-kurangnya sehingga tahap 4 iaitu boleh menyebut dengan betul dan bertajwid. Ini bagi mengelakkan lebih ramai yang tidak mempunyai tahap kemahiran membaca al-Quran yang dikehendaki (Ismail et al. 2014).

2.4 Kaedah Pengajaran al-Quran

Keperluan kepada kaedah-kaedah pengajaran yang betul tidak boleh dipandang ringan dalam satu-satu sistem pembelajaran yang ideal. Daia (1992) berpendapat, seseorang guru mesti mempunyai kemahiran yang cukup dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza. Adalah menjadi satu keperluan menyesuaikan kaedah dengan kehendak dan kehidupan manusia yang dinamik. Tegasnya, kejayaan sesuatu kaedah bergantung pada penyesuaian dengan orang yang menggunakannya.

Kemahiran membaca al-Quran merupakan satu kemahiran yang mana bermula dengan mengetahui huruf-huruf hijaiyah sebagai dasar-dasar dalam mempelajari al-Quran (Putri, 2016) hinggalah mengetahui hukum bacaannya dan dapat membacanya dengan betul lancar. Guru bertanggungjawab memikul amanah yang diberi agar mengajar al-Quran kepada murid-murid sekolah seawal kanak-kanak prasekolah.

Proses mengajar sesuatu kemahiran memerlukan penekanan kepada arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar. Justeru, keberkesanan dalam menyampaikan sesuatu isi pelajaran banyak bergantung kepada Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang dimiliki guru (Tickle, 2000). Di samping itu juga, dalam usaha untuk mewujudkan pengajaran berkesan, guru perlu menguasai isi

kandungan mata pelajaran dan peka terhadap gaya pembelajaran pelajar serta strategi pengajaran dan pembelajaran (Tumirah, 1999).

Merujuk kepada amalan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, maka guru Pendidikan Islam juga perlu jelas dari segi Pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar Tilawah al-Quran. Menurut Hussein (1998), gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan dan kaedah akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Selain itu, pentaksiran juga diperlukan bagi membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sebelum, semasa dan selepas PdP agar guru mengetahui tahap pencapaian yang mereka peroleh. Menurut Jasmi (2010), pengajaran berkesan juga berkait rapat dengan keperibadian guru apatah lagi jika berkaitan dengan pengajaran kepada anak-anak yang kecil.

Sehubungan dengan itu, melihat kepada kepentingan menguasai kemahiran al-Quran maka, cara penyampaian, cara pengajaran adalah dikira sangat penting bagi mencapai objektif pengajaran. Oleh yang demikian, kajian ini akan lebih memfokuskan kepada kaedah yang berkesan dalam mengenal huruf hijaiyah berbaris serta menyebut huruf hijaiyah berbaris dengan betul kepada murid-murid Tahun 1. Pelbagai kaedah pengajaran al-Quran yang terdapat di Malaysia selain kaedah Iqra. Antara kaedah yang popular pada masa kini ialah Baghdadi, Hatawiyyah dan Qiraati.

Kaedah Baghdadi merupakan kaedah yang semakin mendapat perhatian pada masa kini. kaedah ini menekankan pengenalan huruf hijaiyah berbaris dan ejaan. Huruf hijaiyah diperkenalkan secara analisa dan berperingkat-peringkat dengan

teknik latih tubi dan pengulangan. Kaedah ini memerlukan penggunaan alat ketuk sebagai tempo untuk kanak-kanak membaca mengikut tajwid yang sempurna.

Kaedah Hattawiyah meletakkan guru sebagai pemudah cara dan hanya memberi contoh sahaja dan guru juga akan menyemak seorang demi seorang murid dalam pembacaan mereka. Murid membaca berpanduan tulisan rumi. Sangat sesuai digunakan bagi mengajar saudara baharu (muallaf).

Kaedah Iqra merupakan kaedah yang menekankan teknik bacaan terus dan cepat. kaedah ini amat bersesuaian dengan murid yang mempunyai tahap kebolehan pencapaian yang cepat dan cemerlang. Merupakan kaedah yang digunakan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia dan terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tahun 1.

Seterusnya kaedah Qiraati yang menekankan bacaan yang betul dari segi makhrajnya dengan meletakkan teknik latih tubi, peneguhan dan pengulangan, sebagai teknik utama di samping penggunaan bahan-bahan bantu mengajar. Kaedah ini menjadi pilihan pengkaji sebagai kaedah yang digunakan bagi mengenal pasti kebolehan murid Tahun 1 mengenal dan menyabut huruf hijaiyah berbaris dengan betul.

2.5 Konsep Kaedah Iqra

2.5.1 Pengenalan

Kaedah Iqra adalah suatu kaedah pengajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha untuk mempercepatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam tempoh yang singkat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj Asad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musholla Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan dan penyelidikan yang mendalam (Jasmi & Noh, 2013).

Kaedah Iqra di Malaysia bermula pada tahun 1992 dan dikembangkan selepas tempoh percubaan pertama selama lebih kurang enam bulan di beberapa buah sekolah di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan pengajaran tilawah al-Quran Tahun 1 sekolah-sekolah kebangsaan pada sesi persekolahan 1995 dengan menggunakan kaedah Iqra (Hasan, 2006). Murid Tahun 1 dikehendaki memiliki buku Iqra dan mengikuti kelas kemahiran al-Quran sepanjang enam bulan pertama persekolahan.

Pada tahun 2006, ujian bagi menguji kesesuaian kaedah bacaan al-Quran telah dijalankan. Hasil dari ujian tersebut Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan kaedah Iqra sebagai kaedah yang diguna pakai di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2007). Sukatan pelajaran telah digubaldengan memasukan modul Iqra sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah rendah.

2.5.2 Teknik-teknik Kaedah Iqra

Kaedah bacaan Iqra mempunyai teknik-teknik tertentu dalam pelaksanaannya. Berikut adalah cara pelaksanaan kaedah Iqra :

2.5.2.1 Bacaan Terus

Murid tidak diperkenalkan terlebih dahulu pada huruf tunggal hijaiyah tunggal tanpa baris. Murid akan terus diperkenalkan kepada bunyi huruf hijaiyah yang berbaris.

2.5.2.2 Penggunaan Teks Tertentu

Penggunaan buku tersebut mengikut tahap masing-masing bermula daripada buku pertama. Pengajaran dan pembelajaran dengan berpandukan modul khas iaitu buku Iqra 1-6 (Ismail et. al, 2014). Murid menggunakan buku tersebut mengikut tahap masing-masing bermula daripada buku pertama.

2.5.2.3 Pengajaran Cara Murid Aktif (CBMA)

Pengajaran dilakukan berpusatkan kepada murid. Guru menerangkan pengajaran dan murid yang sudah jelas serta mengulangi beberapa kali (Talaqqi Musyafahah), seterusnya murid membaca sendiri kemahiran berikutnya.

2.5.2.4 Talaqqi Musyafahah

Dalam mempelajari bacaan al-Quran, murid mesti berhadapan secara langsung dengan guru. Hal ini ditekankan supaya murid tahu betul bagaimana makhrāj dan sifat-sifat huruf yang sebenar.

2.5.2.5 Tahap Berasaskan Pencapaian Individu

Tahap pencapaian murid dalam kaedah Iqra adalah bergantung kepada kecekapan individu. Untuk penilaian dan pengesanan, rekod prestasi perlu disediakan. Rekod prestasi tersebut adalah wajib disediakan bagi setiap murid. Di bawah program j-QAF, tahap pencapaian ini adalah di bawah Model Tasmik Khatam al-Quran Enam Bulan dan penyediaan rekod prestasi tersebut adalah berupa rekod tasmik (Pisol et al, 2015)

2.5.2.6 Tenaga Pembimbing

Seorang guru membimbing lapan hingga sepuluh orang murid dalam suatu masa. Jika keadaan memerlukan, guru boleh meminta bantuan murid tertentu untuk menjadi pembantu dan penyemak bagi murid lain (murid turus).

2.5.3 Kandungan buku Iqra

- Buku Iqra 1
 - ✓ Baca terus huruf hijaiyah berdasarkan muka surat dalam buku Iqra tanpa perlu dieja terlebih dahulu.
 - ✓ Murid-murid yang cepat menguasai boleh dipindahkan ke halaman berikutnya tanpa menghabiskan halaman berkenaan.
- Buku Iqra 2
 - ✓ Baca terus huruf hijaiyah berdasarkan muka surat dalam buku Iqra tanpa perlu dieja terlebih dahulu.
 - ✓ Mulai muka surat 14, guru memperkenalkan bacaan Mad supaya jelas perbezaan antara bacaan panjang pendek.
 - ✓ Muka surat 15 baris paling bawah guru disarankan menggunakan rentak nasyid/lagu agar lebih jelas perbezaan antara bacaan panjang dan pendek:

نَانَا نَنَانِ نَنَانِ نَنَانِ

- Buku Iqra 3
 - ✓ Membezakan antara bunyi huruf hijaiyyah baris atas, bawah dan depan.
 - ✓ Mulai muka surat 6, membezakan bacaan panjang huruf mad ا dan huruf mad ي
 - ✓ Mulai muka surat 18, membezakan bacaan panjang huruf mad ا، ي dan huruf mad و .

- Buku Iqra 4

- ✓ Membezakan antara bacaan baris dua di atas, bawah dandepan.
- ✓ Membezakan antara bacaan yang mati sebelumnya
- ✓ Berbaris di atas dengan ya mati sebelumnya berbaris dibawah.
- ✓ Membezakan antara bacaan wau mati sebelumnya
- ✓ berbaris di depan dengan wau mati sebelumnya berbarisdi atas.
- ✓ Muka surat 11-13 cara membunyikan huruf mim matisebelumnya berbaris di atas, di bawah dan di depan.
- ✓ Muka surat 14-15 cara bacaan hukum Izhar Halqi.
- ✓ Muka surat 16-17 cara bacaan qolqolah.
- ✓ Halaman 1,7, 9,17 dan 21 bolehlah dibaca secara alunanyang sesuai dengan beramai-ramai untuk menambahkanminat murid-murid.Untuk menentukan bacaan yang betul pada halaman 21 (hamzah sukun dan sebagainya) murid-murid diajak membaca dengan baris fathah dahulu secara berulang-ulang kemudian baru diamati.

- Buku Iqra 5

- ✓ Cara bacaan hamzah wasal bersambung, huruf alif tidak dibunyikan
ms 1-2: وَالْحَمْدُ مَا اَكْتَسَبْتَ
- ✓ Cara bacaan ketika wakaf huruf akhir dibaca sukun,
ms 3-5: عَامِينَ نَسْتَعِينُ
- ✓ Cara bacaan ketika wakaf pada huruf tanwin di atasdihilangkan satu baris dan dibaca dengan panjang duaharakat
ms 6 : أَبْذَا وَزْنَا
- ✓ Cara bacaan wakaf pada ta` marbutah ditukar menjadi haSakinah
ms 7-8 : عَانِيَةً حَامِيَةً
- ✓ Tanda bacaan panjang (~) lebih dari dua harakat

ms8: لَا أَعْبُدُ

- ✓ Nun dan mim syaddah ن م dibaca dengung dua harakat ms 10 .
- ✓ Tanwin bertemu dengan nun dan mim dibaca dengung dua harakat ms 11 : خَيْرُ نُسَاءُ
- ✓ Tanda sabdu pada huruf selepas alif lam bacaannya alif lam tidak dibaca ms 12-13 : وَالنَّاسِ
- ✓ Setiap bacaan yang mengandungi tasydid hendaklah bacaannya ditekankan / diberatkan sedikit bacaannya

ms14-18: كَبُرَ بئَل

- ✓ Mim sakinah bertemu dengan ba dibaca dengung dua harakat ms19-21 : عَلَيْهِم بِالْإِسْمِ
- ✓ Sabdu atas huruf lam sebelumnya berbaris atas, huruflam dibaca tebal ms 22 : وَاللَّهُ
- ✓ Sabdu atas huruf lam sebelumnya berbaris bawah, huruflam dibaca nipis ms 23: لِلَّهِ
- ✓ Huruf nun atau tanwin bertemu د dan ر bacaannya tidak didengungkan ms 24-25: مَنْ رَأَى خَيْرَ لَكَ
- ✓ Tanda mad disusuli sabdu bacaannya hendaklah dipanjangkan hingga 6 harakat ms 27: وَلَا الضَّالِّينَ
- ✓ Sistem tadarus boleh diperkenalkan kepada murid-murid yang sama taraf pencapaiannya.
- ✓ Boleh dibaca secara alunan yang sesuai dengan beramai-ramai untuk menambahkan minat murid-murid.

- Buku Iqra 6

- ✓ Huruf nun mati atau tanwin bertemu dengan wau dan hendaklah dibaca dengung dua harakat ms 1-6 : خَيْرٌ وَأَبْقَى
- ✓ Huruf nun mati atau tanwin bertemu dengan ba hendaklah dibaca dengung kadar dua

harakat. Dengungnya ditukar kepada mim yang ringan ms 7-9: مِنْ بَعْضِ

- ✓ Huruf nun mati atau tanwin bertemu dengan huruf ikhfa`hendaklah dibaca dengan dengung kadar dua harakat

ms 11-18 : مِنْ جُوعٍ

- ✓ Tanda-tanda wakaf ms 19-20
- ✓ Huruf di permulaan surah dibaca panjang ms 27 .
- ✓ Sistem tadarus boleh diperkenalkan kepada murid-murid yang sama taraf pencapaiannya.
- ✓ Boleh dibaca secara alunan yang sesuai dengan beramai-ramai untuk menambahkan minat murid-murid.

2.6 Konsep Kaedah Qiraati

2.6.1 Pengenalan

Pengajian al-Quran kaedah Qiraati pada awalnya disusun oleh Ustaz Haji Dahlan Salim Zarkasyi, berasal dari Semarang Negeri Jawa Tengah Indonesia (Engkizar, 2011). Pada mulanya beliau menggunakan kaedah Baghdadiyah dalam mengajar al-Quran untuk kanak-kanak di kampungnya, namun tidak memuaskan hati beliau kerana kanak-kanak membaca al-Quran dengan tidak lancar, tidak kenal huruf lalu beliau menukar cara atau kaedah mengajar al-Quran yang lain. Pada tahun 1963, beliau mulai menyusun model belajar membaca al-Quran satu set lima buah buku dan dinamakan '*Model Belajar Baca al-Quran Qiraati*' (Engkizar, 2011). Kaedah bacaan Qiraati ini merupakan kaedah pengajaran al-Quran yang popular dalam kalangan masyarakat muslim di Indonesia dan telah menular serta berkembang pesat di Malaysia sebagai kaedah kedua untuk membaca al-Quran selepas kaedah Iqra (Nizar, 2000). Kaedah ini seperti juga kaedah-kaedah lain pengajaran al-Quran selain

kaedah Iqra telah menjadi pilihan kaedah pengajaran al-Quran di pusat-pusat pembelajaran al-Quran swasta serta tadika-tadika swasta.

2.6.2 Sistem pengajaran kaedah Qiraati

Dalam mengajar al-Quran melalui kaedah Qiraati, beberapa sistem pengajarannya telah ditetapkan. Perkara dalam sistem tersebut adalah (Ilyas, 2017) :

1. Langsung membaca huruf hijaiyah yang berbaris tanpa mengeja.
2. Langsung praktik secara ringkas bacaan yang bertajwid, tanpa diajar ilmu tajwidnya.
3. Bahan pengajarannya diberi secara bertahap daripada yang mudah kemudian yang susah dan daripada yang umum sifatnya kemudian yang khusus.
4. Bahan pelajaran diberi berdasarkan tajuk, (tidak dipinda atau diubah pada pelajaran berikutnya kalau tajuk yang sedang dipelajari belum dikuasai).
5. Pelajaran yang diberikan selalu ditanya dan selalu diulang-ulang dengan memperbanyakkan latihan, supaya murid ingat dan dapat menguasai pelajarannya.
6. Penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan peranti huruf bersaiz besar memudahkan murid yang agak lemah.
7. Belajar mengikut kemampuan dan kecerdikan murid.
8. Latihan / latih tubi (evaluasi) dilakukan setiap hari.
9. Memberi motivasi (galakan) kepada murid yang berhasil membaca dengan baik dan betul.
10. Tidak membimbing membaca, guru hanya menerangkan tajuk pelajarannya sahaja serta memberi contoh bacaannya.